

Rakyat S'pura kurang gembira; warga yang hidup seimbang lebih berpuas hati: Tinjauan

Rakyat Singapura didapati kurang gembira sejak sedekad lalu, tetapi mereka yang mendapak keluarga dan tradisi, mengambil berat tentang masyarakat dan alam sekitar, dan mempunyai wang dan kedudukan sosial – tanpa terlalu menekankan mana-mana aspek – secara umum lebih berpuas hati dengan kehidupan mereka, menurut satu dapatan tinjauan.

Tinjauan Mutu Hidup 2022 itu turut mendapati bahawa mereka yang mengutamakan harta benda dan barang dan perkara mewah dalam hidup merupakan golongan yang paling tidak berpuas hati, lapor *The Straits Times*.

Ini meskipun mereka berada dalam kedudukan kewangan yang lebih baik.

Edisi terbaru tinjauan itu, yang dijalankan sekitar setiap lima tahun sejak 1996, telah meninjau 1,905 rakyat Singapura berusia 21 tahun ke atas dari Jun hingga Julai 2022.

Responden diminta menilai, antara lain, mutu kehidupan mereka dalam aspek seperti hubungan dan kesihatan, dan berapa sering mereka rasa mereka menikmati kehidupan.

Dapatan tinjauan itu dibentangkan pada 11 Januari 2024

oleh ahli akademik Sekolah Perniagaan Universiti Nasional Singapura (NUS) – Profesor Madya Tambyah Siok Kuan, zamil kehormat Tan Soo JUAN dan calon PhD Yuen Wei Lun – dalam sebuah buku.

Para penyelidik mendapati bahawa mereka yang mengambil pendekatan hidup yang seimbang – menganggap nilai kekeluargaan, kemampanan, tradisionalisme dan materialisme sebagai sama penting – adalah golongan yang paling berpuas hati.

Kumpulan ini terdiri daripada 30 peratus responden.

Seterusnya ialah mereka yang berorientasikan prososial, yang memberi tumpuan kepada keluarga, orang lain dan alam sekitar, dan menjauhi materialisme.

Mereka terdiri daripada hampir satu perlima daripada responden.

Ini diikuti dengan orang yang mengutamakan nilai kekeluargaan dan tradisi – seperti agama dan nilai-nilai konservatif – tetapi kurang memberi penekanan kepada kemampanan.

Mereka terdiri daripada sekitar satu pertiga individu yang ditinjau.

Kumpulan yang paling kurang

berpuas hati dengan kehidupan terdiri daripada mereka yang nilai-nilainya menekankan materialisme dan meletakkan kepentingan paling rendah pada kemampanan dan tradisionalisme.

Mereka membentuk sekitar 17 peratus daripada responden yang ditinjau.

Tinjauan itu juga mendapati kesejahteraan dalam kalangan rakyat Singapura secara keseluruhan merosot dan merentasi semua 15 aspek kehidupan yang dinilai, termasuk hubungan, kesihatan, taraf hidup dan pendapatan isi rumah.

Markah juga telah merosot antara 2011 dengan 2016.

Aspek di mana responden rasa paling berpuas hati adalah dalam hubungan mereka dengan anak-anak, ibu bapa dan adik beradik mereka, manakala mereka rasa kurang berpuas hati dengan pendapatan isi rumah.

Ini konsisten dalam tiga tinjauan yang lalu.

Seperti tinjauan terdahulu, kaum lelaki, mereka yang sudah berkahwin, dan mereka yang mempunyai tahap pendidikan dan pendapatan lebih tinggi cenderung mempunyai tahap kebahagiaan yang lebih tinggi.